

SUMBER: .

TARIKH: 11/9/2007

MUKA SURAT: 1



SEBAHAGIAN daripada fasilitator dan pelajar yang mengikuti Program MATRES 07 bergambar bersamadi Universiti Malaysia Pahang, Kuantan semalam.

UMP dedah bidang kejuruteraan kimia

Oleh HAFZ ABBAS
mohdhafi@kosmo.co m my

KUANTAN - Tenaga kerja dalam bidang kejuruteraan kimia masih rendah di negara ini.

Ia mungkin akibat kurangnya pendedahan terhadap bidang ini kepada para pelajar menyebabkan tidak ramai yang berminat untuk memilih jurusan tersebut.

Justeru, bermula Jumaat lalu hingga semalam, Persatuan Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (Chest) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Program Matrikulasi Chemical Engineering Seminar 2007 (MATRES 07) di universiti itu.

Seramai 50 pelajar matrikulasi dari Johor dan Negeri Sembilan menyertai program berkenaan.

Ketua Program Bioteknologi Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKK-SA) UMP, Rozaimi Abu Samah berkata, program lanjutan daripada program pertama tahun lalu itu telah mencapai tujuan yang diharapkan.

"Kami mahu para pelajar matrikulasi lebih memahami dan berminat untuk menambah pengetahuan dalam bidang kejuruteraan kimia.

"Dengan itu, mereka tidak akan teragak-agak untuk memilih bidang ini pada peringkat universiti nanti," katanya.